



KENYATAAN MEDIA

BERIKUTAN SITUASI COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

16 Syawal 1441 / 8 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 16 Syawal 1441H bersamaan 8 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang manakala jumlah kes yang telah sembahuh ialah seramai 138 orang.**

2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Alā memberikan kesihatan yang sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **433 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **22,092 ujian**.
4. Berikut makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah **281,969 orang ramai** telah mendaftar sebagai pengguna applikasi tersebut. Manakala, seramai **355,402** yang mendaftar kepada applikasi tersebut. Dan sejumlah **6,212 syarikat dan premis** juga telah mendaftar kepada applikasi tersebut.
5. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada para pesakit dan pelawat-pelawat untuk mengimbas kod QR BruHealth yang terdapat di tempat-tempat masuk setiap hospital dan pusat-pusat kesihatan termasuklah tempat masuk di setiap perkhidmatan seperti klinik, wad, farmasi dan sebagainya. Pelawat-pelawat boleh menggunakan Borang Akuan Kesihatan jika masih tidak dapat menggunakan Applikasi BruHealth melalui telefon bimbit atau laman sesawang **healthinfo.gov.bn**. Pengguna BruHealth yang mempunyai kod merah hanya akan dibenarkan masuk jika mereka adalah pesakit-pesakit yang hendak berjumpa dengan doktor untuk konsultasi atau untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan. Manakala bagi pelawat-pelawat, hanya mereka yang mempunyai kod warna Hijau dan Kuning sahaja akan dibenarkan

melawat pesaki-pesakit di wad-wad hospital. Tujuan semua pesakit dan pelawat dikehendaki untuk mengimbas kod QR BruHealth di hospital dan pusat-pusat kesihatan ini adalah bagi memudahkan pengesahan kontek atau *contact tracing* dan bagi memastikan mereka yang mempunyai kod merah atau biru tidak mengunjungi mana-mana pesakit yang dirawat di dalam wad.

6. Berhubung dengan dua kes positif yang dilaporkan di Malaysia, Kementerian Kesihatan mengesahkan bahawa pada masa ini, penyiasatan mengenai kedua-dua kes ini sedang dijalankan di mana pengesahan kontek telah mengenalpasti mereka yang berhubungan dengan kes-kes tersebut. Kesemua kontek kes telah diarahkan untuk menjalani ujian makmal SARS-CoV-2 dan menjalani kurantin selama 14 hari. Setakat ini, seramai 113 orang telah dikurantin.
7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 16 Syawal 1441H / 8 Jun 2020